

RENCANA PERKHIDMATAN EKONOMI BERNAMA

(OLEH ABDUL KADIR JASIN)

1973

FIMA

PERUSAHAAN MAKANAN MALAYSIA SDN. BERHAD (FIMA) BOLEH MELIHAT KE BELAKANG DENGAN BANGGA DI ATAS KEJAYAAN-KEJAYAAN YANG TELAH DICAPAINYA APABILA IA MERAYAKAN ULANG TAHUNNYA YANG PERTAMA HARI ISNIN INI.

DI DALAM MASA YANG SINGKAT ITU SYARIKAT TERSEBUT TELAH MEMBUAT CUKUP KEJAYAAN, KALAU TIDAK LEBIH, YANG DIHARAPKAN DARINYA.

SEPERTI KATA Pengerusinya, DR. MAHATHIR BIN MOHAMMAD, FIMA DI DALAM TEMPUH MASA YANG SINGKAT TELAH BERJAYA BERGERAK DENGAN MEMBANGGAKAN SEKALI PUN SEBAHAGIAN-BESAR KEGIATAN-KEGIATAN AWALNYA MENGANDUNGI PENYUSUNAN PENUBUHAN DAN MENGUKUHKAN KEDUDUKAN CABANGAN-CABANGANNYA.

FIMA YANG DITUBUHKAN SEBAGAI SEBUAH SYARIKAT KAWALAN (HOLDING COMPANY) KEPUNYAAN PENUH KERAJAAN SEDANG BERUSAHA MEMBUKTIKAN BAHAWA MELALUI USAHA-USAHA KEMAJUAN SECARA PERUSAHAAN DAN PERDAGANGAN, HASIL-HASIL PERTANIAN YANG PADA SATU KETIKA DULU DIKETEPKAN JUGA MEMPUNYAI PELUANG PASARAN ANTARABANGSA. --BERSAMBUNG

1352/NB

FIMA 2

BEBERAPA TAHUN LALU ORANG AKAN MENERIMA DENGAN PERASAAN CURIGA CADANGAN BAHAWA BUAH-BUAHAN TEMPATAN SEPERTI MENAS, MENGA, RAMBUTAN, MANGKA ATAU GAJUS BOLEH DIPROSES SECARA PERUSAHAAN KEPADA BENTUK-BENTUK YANG BOLEH DITERIMA OLEH PENGGUNA-PENGGUNA DI SELURUH DUNIA.

TETAPI HARI INI, SEPARUH DARI BUAH-BUAHAN ITU YANG DIPROSES KE DALAM BERBAGAI-BAGAI BENTUK SEDANG DIJUAL DI PASAR-PASAR SERBANIKA YANG BESAR DI SERATA DUNIA DAN MAKANAN-MAKANAN ITU MENJADI KEBANGGAAN HIDANGAN SURI-SURI RUMAH TANGGA.

KE ARAH MENCAPAI TUJUAN INI, DR. MAHATHIR MEMBERITAHU PERKHIDMATAN PERDAGANGAN BERNAMA DI DALAM SATU TEMURAMAH KHAS BAHAWA FIMA TELAH BERJAYA MENGUJUDKAN PERHUBUNGAN YANG BERGUNA DENGAN FIRMA-FIRMA SWASTA, PERBADANAN-PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI, DAN KERAJAAN HINGGA MENGHASILKAN BEBERAPA PROJEK.

INI, KATA DR. MAHATHIR, TERMASUKLAH PROJEK MENANAM GAJUS DI TRENGGANU DAN PAHANG YANG PADA PERMULAANNYA AKAN MELIPUTI KAWASAN SELUAS 2,000 EKAR. PROJEK TERSEBUT SEDANG DIUSAHAKAN OLEH SYARIKAT PERUSAHAAN GAJUS MALAYSIA BERHAD (GIMA) IAITU SALAH SEBUAH SYARIKAT CABANGAN FIMA. -- BERSAMBUNG 1356/NE

137

FIMA 3

LAIN-LAIN PROJEK TERMASUKLAH:

- PEMBINAAN SEBUAH KILANG BERTIAGA \$3.5 JUTA BAGI MENGELUARKAN TIN-TIN TIMAH UNTUK PERUSAHAAN MENGETIN DI KAWASAN PERUSAHAAN FRAI. PROJEK ITU AKAN DIJALANKAN OLEH SYARIKAT MALAYSIAN CAN COMPANY SDN. BERHAD, SEBUAH LAGI CABANGAN FIMA. IA DIJANGKA MEMULAKAN PENGELUARAN PADA AKHIR TAHUN INI.

MALAYSIAN CAN TELAH PUN MEMPUYAI KILANG YANG SERUPA DI JOHOR DAN MENGELUARKAN TIN-TIN UNTUK PERUSAHAAN MENGETIN NENAS DI NEGERI ITU.

- SEBUAH KILANG MEMBUAT KOTAK AKAN JUGA DIDIRIKAN OLEH SYARIKAT MALAYSIA CAN BAGI MEMBEKALKAN KOTAK-KOTAK UNTUK PERUSAHAAN-PERUSAHAAN DI NEGERI JOHOR, MELAKA, NEGERI SEMBILAN DAN SELANGOR. IA MUNGKIN DIDIRIKAN DI MELAKA ATAU JOHOR; DAN
- FIMA JUGA AKAN MENYERTAI DI DALAM SEBUAH PROJEK GULA JUTAAN RINGGIT YANG DICADANGKAN DI NEGERI KELANTAN. BUTIR-BUTIR PROJEK ITU AKAN DIUMUMKAN KELAK.

DI SAMPING ITU, KATA DR. MAHATHIR, FIMA TELAH JUGA MENKAKI BEBERAPA BUAH PROJEK LAIN MENGENAI PENGELUARAN MAKANAN SEPERTI KELAPA PARUT KERING, MEMBUAT KICAP, MENGELUARKAN JAM DARI BUAH-BUAHAN, MENGETIN BETEK DAN HASIL LAUT DAN MEMPROSES SEMULA HEMPAS NENAS. --BERSAMBUNG

1400/NE

561

FIMA 4

TAHUN LALU JUGA FIMA TELAH MEMBUKA CABANGANNYA DI NEW YORK -- FIMA INCORPORATED OF NEW YORK. SYARIKAT ITU KEMUDIAN MENUBUNKAN PUCAT PERDAGANGAN BAGI MENJUAL BARANG-BARANG KELUARAN FIMA DAN JUGA PENGELUAR-PENGELUAR LAIN.

FIMA SEKARANG SEDANG DI DALAM PROSES MEMBUKA CABANGAN DI LONDON BAGI MENGAMBIL ALIH TUGAS CABANGAN HAMBURG YANG TELAH DITUTUP TIGA BULAN LALU. CABANGAN HAMBURG TELAH DITUTUP SETELAH IA DIDAPATI MENJALANKAN KEGIATAN YANG TERHAD.

FIMA JUGA TELAH MENUTUP WAKIL PENGEDARNYA DI SINGAPURA KIRA-KIRA LAPAN BULAN LALU DI ATAS SEBAB-SEBAB YANG SAMA. TINDAKAN-TINDAKAN ITU DI LAKUKAN SEBAGAI SEBAHAGIAN DARI USAHA PENGUKUHAN PERJAJANNYA.

BAGI MENPELBAGAIKAN LAGI KEGIATANNYA, FIMA SEDANG DENGAN BERSUNGGUH MENKAKSI KEMUNGKINAN MEMPROSES SEMULA HAMPAS NENAS YANG DIPERCAYAI AKAN MENGUNTUNGAN.

MENURUT TAKSIRAN SYARIKAT ITU, HANYA ANTARA 15 DAN 20 PERATUS SAHAJA DARI TIAP SEBUJI NENAS DIGUNAKAN DI DALAM PROSES MENGETIN. LAIN-LAINNYA SEKALI PUN DIKETAHUI MENGANDUNGI NILAI MAKANAN YANG BANYAK TELAH TERPAKSA DIBUANG SEBAGAI HAMPAS. --BERSAMBUNG 1405/NB

562

FIMA 5

DI STENGAH-SETENGAH NEGARA PENGELUAR NENAS, HAMPAS NENAS DI PROSES SEMULA MENJADI MINUMAN RINGAN, BEER DAN MAKANAN BINATANG. KILANG-KILANG NENAS DI JOHOR SAHAJA DITAKSIR MENGELUARKAN KIRA-KIRA 150,000 TAN HAMPAS NENAS SETAHUN, TIDAK TERMASUK BUAH-BUAH YANG DIBUANG.

BEBERAPA ORANG PENGUSAHA AMERIKA TELAH MENUNJUKKAN MINAT MENGADAKAN PERUSAHAAN BERSAMA BAGI TUJUAN MEMPROSES SEMULA HAMPAS NENAS ITU.

PENGELUARAN GAJUS SECARA PERUSAHAAN YANG TIDAK PERNAH DIDENGAR DI NEGARA INI HINGGALAH BARU-BARU INI SEDANG JUGA DIUSAHAKAN DENGAN BERSUNGGUH-SUNGGUH OLEH FIMA DENGAN KERJASAMA JABATAN PERTANIAN DAN HARDI.

IPARAPAN MASA DEPAN PERUSAHAAN ITU ADALAH CERAH, PADA MASA INI MONOPOLI PASARAN GAJUS DUNIA DIPEGANG HANYA OLEH BEBERAPA BUAH NEGARA YANG TERENTING DI ANTARANYA JALAH INDIA.

MENURUT FIMA, TERDAPAT SELUAS 360,000 EKAR TAMAH PASIR DI SEPANJANG PANTAI TIMUR MALAYSIA BARAT YANG MEMPUNYAI KEGUNAAN PERTAMIAN YANG TERHAD. GAJUS DIDAPATI DAPAT DITANAM DI ATAS TANAH JENIS INI.  
GAJUS ATAU JANGGUS BANYAK DITANAM DI NEGERI-NEGERI DI UTARA MALAYSIA BARAT, TETAPI TIDAK UNTUK JUJUAN PERDAGANGAN. -  
BERSAMBUNG 1408/NB

563  
FIMA 6

MENURUT FIMA LAGI, ISI GAJUS BOLEH DIPROSES MENJADI MINUMAN DAN MUNGKIN JUGA HASIL HASIL LAIN SEMENTARA ISI BIJI GAJUS PULA MENGANDUNGI ZAT PROTIN YANG BANYAK DAN SEMAKIN DIGEMARI DI JAMUAN-JAMUAN DI SELURUH DUNIA.  
KULIT KERAS YANG MEMALUT ISI BIJI GAJUS PULA MEMPUNYAI SEJENIS MINYAK YANG BOLEH DIPERAH UNTUK KEGUNAAN PERUSAHAAN, SEKURANG-KURANG 20 JENIS BARANG BOLEH DIBUAH DARI MINYAK ITU.

BERCAKAP MENGENAI MASA DEPAN FIMA, DR. MAHATHIR BERKATA, \* KEJAYAAN FIMA DI DALAM MENJALANKAN PERANAN SOSIO-EKONOMINYA SEBAGAIAN BESARNYA AKAN BERGANTUNG KEPADA PENERIMAAN ORANG RAMAI. TERUTAMA PENDUDUK-PENDUDUK LUAR BAHARU.\*

INI LAJAH KERANA ORANG-ORANG LUAR BAHARU YANG INGIN DITOLONG OLEH SYARIKAT ITU KERANA MEREKA TERLIBAT DI DALAM PERUSAHAAN PERTAMIAN.  
ADALAH TIDAK BERMAKNA BAGI FIMA MEMBINA KILANG-KILANG DI KAWASAN LUAR BANDAR JIKA PENDUDUK-PENDUDUK DI KAWASAN-KAWASAN BERKENAAN TIDAK SEDIA BEKERJA KERAS MENGELUARKAN BAHAN MENTAH MUTU TINGGI YANG CUKUP BAGI DIPROSES OLEH KILANG-KILANG ITU. -BERSAMBUNG 1410/NB

FIMA 7

MENGENAI MODAL, DR. MAHATHIR BERKATA FIMA SEKARANG MEMPUNYAI MODAL TERKUMPUL SEBANYAK 510 JUTA -- \$2 JUTA DARI KERAJAAN DAN 914 JUTA KEPENYUJUAN CABANGAN-CABANGANNYA. KERAJAAN PUSAT PADA PERMULAANYA TELAH MELULUSKAN \$120 JUTA SEBAGAI PENYERTAAN DI DALAM SYARIKAT TERSEBUT. DARI JUMLAH INI \$2 JUTA TELAH DIBERIKAN SEBAGAI PERBELANJAAN SEBELUM PELABURAN, SEMENTARA BAKINYA AKAN DIBERIKAN KILLA DI KEHENDAKKI.

DELIAN MENEKANKAN BAHAWA SEKALI PUN SEMBER MODAL ADALAH BANYAK, TETAPI DEMI KEPENTINGAN FIMA SENDIRI IA PERLU MEMPUNYAI MODAL DARI SUMBERNYA SENDIRI DARI MEMIJAM.  
MODAL PINJAMAN AKAN MEMBERIKAN BEBAN PENJELASAN HUTANG SYARIKAT TERSEBUT. MENGENAI PERKARA INI, DR. MAHATHIR BERKATA PENYERTAAN MODAL OLEH SEKTOR AWAM DALAH AMAT +DI ALU-ALUKAN.\*

BAGAIMANA PUN, FIMA TIDAK MENILIH SUMBER MODAL. APA YANG PENTING BAGINYA LAJAH SYARAT-SYARAT PINJAMAN ITU BERAPUTAM.  
DR. MAHATHIR MENGALU-NGALUKAN CADANGAN-CADANGAN PERUSAHAAN BERSAMA DARI SEKTOR SWASTA DAN MEMBERI JAMINAN BAHAWA FIMA SEKALI PUN DITUBUHKAN OLEH KERAJAAN TIDAK AKAN BERSAING SECARA TIDAK ADIL DENGAN MEREKA KERANA FIMA JUGA PERLU MEMIKIRKAN TENTANG KEUNTUNGAN. -  
BERSAMBUNG 1413/NB

565  
FIMA 8

MALAH BEKERJA UNTUK KEPENTINGAN BERSAMA ADALAH SALAH SATU DARI UNGGUL FIMA.

DI DALAM PERUSAHAAN NENAS CONTOHNYA, FIMA SEDANG BEKERJASAMA DENGAN PENGETIN-PENGETIN LAIN DI NEGARA INI MELALUI SISTEM PENJUALAN NENAS YANG DISATUKAN -- CPS -- BAGI MENGGUNAKAN SEPENUHNYA TUNTUTAN LUAR NEGERI.

DI BAWAH SEKIN INI, SEBUAH FIRMA MENGETIN NENAS AKAN MENGEDARKAN PERMINTAAN LUAR NEGERI YANG TIDAK DAPAT DIPENUHINYA KEPADA PENGETIN-PENGETIN LAIN. DENGAN JALAN INI MEREKA BANTU MEMBANTU DI ANTARA SATU SAMA LAIN DI SAMPING MENJAMIN BEKALAN NENAS YANG BERTERUSAN KEPADA PENGGUNA-PENGGUNA.

KEPERCAYAAN SEKTOR SWASTA TERHADAP FIMA TERNYATA KUKUH DENGAN ADANYA CADANGAN-CADANGAN PERUSAHAAN BERSAMA YANG MEREKA KEMUKAKAN. MALAH BEBERAPA BUAH DARI MEREKA TELAH PUN MENYERTAI FIMA DI DALAM PROJEK-PROJEK TERTENTU.

SEMENTARA ITU, BAGI MEMBOLEHKAN LEBIH RAMAI RAKYAT LUAR BANDAR MENDAPAT FAEDAH DARI KEGIATAN-KEGIATANNYA FIMA SEDANG MEMECAHKAN PROJEK-PROJEKNYA KE SELURUH NEGARA.

PADA MASA INI IA MEMBERIKAN PELUANG PEKERJAAN KEPADA KIRA-KIRA 2,000 ORANG. DAN ANGKA INI AKAN MENINGKAT LEBIH BESAR DENGAN BERJALANNYA PROJEK-PROJEK BARU SYARIKAT ITU. --BERSAMBUNG 1415/NB

566  
FIMA 9

DI SEGI PENGELUARAN, KILANG-KILANG NENAS FIMA -- PINEAPPLE CANNERY OF MALAYSIA -- MENGELUARKAN KIRA-KIRA 35 PERATUS DARI KESELURUHAN EKSPOT NENAS MALAYSIA.

EKSPOT NENAS MALAYSIA BERNILAI KIRA-KIRA \$50 JUTA SETAHUN.

DENGAN SEGALA PROJEK-PROJEK YANG ADA, FIMA BOLEH MEMANDANG KE HADAPAN DENGAN PENUH KEYAKINAN. --BERNAMA-BP 1420/NB

139